CHEAH EWE YEOW lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
NORDIN HASSAN PK
[PERMOHONAN SEMAKAN NO: 44-24-10-2014]
6 NOVEMBER 2014

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Inkues – Permohonan oleh peguam pemerhati untuk mendapatkan nota keterangan prosiding inkues – Sama ada peguam pemerhati berhak mendapat nota keterangan sementara siasatan masih berjalan – Sama ada peguam pemerhati berhak berhujah dalam prosiding inkues – Sama ada hujahan dalam prosiding inkues suatu hak atau kelebihan – Kanun Tatacara Jenayah, s. 338(1)*

Pada 13 Ogos 2012, seorang bernama Chia Chin Lee telah ditemui mati di dalam sel tahanan polis di Balai Polis Tanjung, Pulau Pinang. Suatu prosiding inkues telah dijalankan oleh Majistret berhubung kematian tersebut dan peguam, M Visvanathan telah dilantik oleh keluarga si mati untuk mewakili mereka dalam prosiding tersebut. Beliau telah bertindak sebagai peguam pemerhati dalam prosiding tersebut. Pada 26 September 2014, beliau telah membuat permohonan secara lisan kepada Majistret untuk mendapatkan nota keterangan prosiding inkues yang sedang berjalan atau rakaman CRT berhubung prosiding tersebut. Semasa permohonan tersebut dibuat, siasatan kematian masih belum selesai dan tarikh sambungan prosiding tersebut telah ditetapkan pada 18 dan 19 November 2014. Permohonan tersebut telah ditolak oleh Majistret atas alasan, antaranya, bahawa (i) tiada peruntukan di bawah s. 338(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang menghendaki peguam pemerhati diberikan nota keterangan; (ii) permohonan nota keterangan tersebut dibuat semasa siasatan kematian masih sedang berjalan dan masih belum selesai; (iii) tiada peruntukan yang memberikan hak kepada peguam pemerhati untuk mendapatkan nota keterangan siasatan kematian; (iv) peguam pemerhati telah hadir dalam prosiding tersebut tanpa gagal dan diberikan peluang menyoal saksi-saksi dan mengemukakan dokumen-dokumen bagi pihak keluarga si mati, yang menunjukkan bahawa peguam pemerhati juga mengetahui keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa prosiding berjalan; dan (v) memandangkan inkues bukan suatu perbicaraan jenayah, tiada keperluan untuk peguam pemerhati berhujah dalam prosiding tersebut. Ekoran penolakan ini, pemohon, Cheah Ewe Yeow, bapa saudara si mati, telah membuat permohonan semakan terhadap keputusan Majistret tersebut.

Diputuskan (menolak permohonan):

(1) Tiada mana-mana peruntukan dalam Bab XXXI KTJ yang menghendaki Majistret menyerahkan nota keterangan kepada keluarga si mati atau peguam pemerhati. Seksyen 338(1) KTJ menghendaki koroner mengemukakan dengan segera nota keterangan dan dapatannya kepada Pendakwa Raya. Namun demikian, demi ketelusan dan kepuasan hati

keluarga si mati, Majistret boleh menggunakan budi bicaranya untuk memberikan dapatannya dan nota keterangan setelah siasatan kematian tersebut selesai dijalankan. Semestinya, siasatan prosiding inkues tersebut harus selesai sebelum Majistret boleh membuat suatu dapatan. Oleh itu, berdasarkan fakta kes dan undang-undang sedia ada, keputusan Majistret untuk menolak permintaan peguam pemerhati untuk sesalinan nota keterangan siasatan kematian tersebut sementara siasatan masih sedang dijalankan adalah betul, berlandaskan undang-undang dan wajar. (perenggan 16-17 & 21)

(2) Tiada peruntukan undang-undang yang memberi hak kepada peguam pemerhati untuk berhujah dalam prosiding inkues. Peguam pemerhati tiada hak untuk menyoal saksi-saksi ataupun berhujah melainkan dengan izin mahkamah. Peluang untuk berhujah tersebut hanya merupakan suatu kelebihan dan bukannya suatu hak yang diperuntukkan oleh undang-undang. Maka, keputusan Majistret yang mengatakan hujahan tidak diperlukan dalam prosiding tersebut adalah wajar dan tidak melanggar undang-undang. (perenggan 24, 26 & 27)

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Seeralan Suppiah [1985] 1 CLJ 524; [1985] CLJ (Rep) 250 SC ***(dirujuk)***
PP v. Wong Kok Wah [2000] 1 CLJ 217 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 35
Criminal Procedure Code, ss. 323(1), 337, 338(1), 339(2)

Bagi pihak perayu - Visvanathan; T/n Saibullah MV Nathan & Co
Bagi pihak responden - Siti Fatimah; TPR

Dilaporkan oleh Lyana Shohaimay

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] lni adalah permohonan untuk semakan terhadap keputusan Majistret bertarikh 26 September 2014 dalam satu prosiding inkues kematian Chia Chin Lee ('si mati') di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan s. 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[2] Cheah Ewe Yeoh iaitu pemohon dalam kes semakan ini adalah bapa saudara kepada si mati.

[3] Semakan yang dipohon adalah terhadap keputusan Majistret bertarikh 26 September 2014 yang pertamanya menolak permohonan peguam pemerhati bagi keluarga si mati untuk mendapatkan nota keterangan atau rakaman CRT prosiding inkues berkenaan yang ketika itu masih sedang

berjalan. Keduanya semakan adalah terhadap keputusan Majistret yang menyatakan peguam tidak perlu membuat penghujahan di akhir prosiding inkues.

Undang-Undang

[4] Tujuan sesuatu semakan dibuat oleh Mahkamah Tinggi di bawah s. 323(1) Bab XXXI KTJ adalah untuk memastikan sesuatu dapatan, hukuman atau perintah yang dibuat oleh mahkamah rendah adalah betul, menurut undang-undang dan wajar.

[5] Seksyen 323(1) memperuntukkan:

> A judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that Subordinate Court.

[6] Seksyen 35(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 pula memperuntukkan:

> (1) In addition to the powers conferred on the High Court by this or any other written law, the High Court shall have general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate courts, and may in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing provision, if it appears desirable in the interests of justice, either of its own motion or at the instance or at the instance of any party or person interested, at any stage in any matter or proceeding, whether civil or criminal, in any subordinate court, call for the record thereof, and may remove the same into the High Court or may give to the subordinate court such directions as to the further conduct of the same as justice may require.

[7] Berhubung dengan prosiding inkues kematian pula, Majistret yang bertindak sebagai koroner bertugas untuk menyiasat bila, di mana, bagaimana sesuatu kematian berkenaan berlaku dan sama ada mana-mana orang ada terlibat secara jenayah dengan kematian tersebut. Ini diperuntukkan dengan jelas di bawah s. 337 KTJ:

> A Magistrate holding an inquiry shall inquire when, where, how and after what manner the deceased came by his death and also whether any person is criminally concerned in the cause of the death.

[8] Seterusnya Majistret yang menjalankan inkues kematian ini hendaklah merakamkan keterangan dan dapatannya dan seterusnya hendaklah dengan segera mengemukakan rakaman keterangan dan dapatannya tersebut daripada Pendakwa Raya seperti yang diperuntukkan di bawah s. 338(1) KTJ:

> The Magistrate holding an inquiry under this Chapter shall record the evidence and his finding thereon and shall immediately transmit to the Public Prosecutor the original of such evidence and finding duly authenticated by his signature or a copy of such evidence and finding certified under his hand as correct.

Ringkasan Fakta Kes Pemohon

[9] Pada 13 Ogos 2012, Chia Chin Lee ditemui mati dalam sel tahanan polis di Balai Polls Tanjung, Pulau Pinang.

[10] Satu inkues berhubung kematian ini telah dijalankan oleh Majistret Georgetown di mana keluarga si mati telah melantik peguam M. Visvanathan mewakili keluarga si mati. Beliau telah bertindak sebagai peguam pemerhati dalam prosiding inkues ini.

[11] Pada 26 September 2014 peguam pemerhati ini telah membuat permohonan secara lisan kepada Majistret untuk mendapatkan nota keterangan prosiding inkues yang sedang berjalan atau rakaman CRT berhubung prosiding tersebut.

[12] Semasa permohonan lisan ini dibuat pada 26 September 2014, prosiding siasatan kematian ini masih belum selesai dan tarikh sambungan prosiding ini telah ditetapkan pada 18 dan 19 November 2014.

[13] Pada tarikh 26 September 2014 berkenaan, Majistret yang mengendalikan inkues atau siasatan kematian ini telah menolak permohonan peguam pemerhati untuk mendapatkan nota keterangan atau rakaman CRT atas alasan seperti yang diteliti dari nota keterangan antara lain iaitu:

(i) Berdasarkan peruntukan s. 338(1) KTJ, tugas Majistret sebagai koroner dalam siasatan kematian adalah untuk merakamkan keterangan dan pendapat Majistret dan seterusnya mengemukakan rakaman keterangan dan pendapat tersebut kepada Pendakwa Raya. Tiada apa-apa dalam peruntukan di bawah s. 338(1) KTJ ini yang memerlukan nota keterangan untuk diberikan kepada peguam pemerhati.

(ii) Permohonan nota keterangan yang dibuat oleh peguam pemerhati adalah ketika siasatan atau prosiding inkues berkenaan sedang berjalan dan masih belum selesai lagi.

(iii) Tiada peruntukan yang memberikan hak kepada peguam pemerhati atau keluarga si mati untuk mendapatkan nota keterangan siasatan inkues kematian ini.

(iv) Peguam pemerhati telah hadir dalam prosiding siasatan kematian ini tanpa gagal dan diberikan peluang menyoal saksi-saksi serta mengemukakan dokumen-dokumen bagi pihak keluarga si mati. Oleh itu juga peguam pemerhati mengetahui keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa prosiding inkues ini.

(v) Memandangkan inkues bukan merupakan suatu perbicaraan jenayah, tiada keperluan untuk peguam pemerhati berhujah dalam prosiding inkues tersebut.

[14] Walau bagaimana pun, dalam nota keterangan ini juga Majistret menyatakan sekiranya prosiding inkues ini telah selesai sepenuhnya, demi keadilan kepada keluarga si mati, peguam pemerhati boleh membuat permohonan untuk mendapatkan nota keterangan yang diperlukan.

Dapatan Dan Keputusan Mahkamah Ini

[15] Jelasnya, inkues kematian adalah berbeza dari perbicaraan jenayah dan tiada pihak yang didakwa atau membela diri dalam sesuatu inkues. Majistret yang bertindak sebagai koroner hanya menjalankan siasatan berhubung kematian berkaitan. Tugas Timbalan Pendakwa Raya atau pegawai pendakwa pula hanya untuk membantu Majistret dalam pemeriksaan saksi-saksi bagi mendapatkan keterangan yang perlu. Ini dijelaskan oleh Mahkamah Agung (ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v. Seeralan Suppiah* [1985] 1 CLJ 524; [1985] CLJ (Rep) 250 seperti berikut:

> As inquest is not like a trial. There are no parties to prosecute and to defend. It is only an inquiry by a Magistrate as to the cause of death and prosecuting officer is there not to prosecute anyone but only to assist the Court with the examination of witnesses for the purpose of giving evidence. A defence Counsel present at an inquest is not there to defend anyone, but only to look after the interests of those who engage him. Whilst he has no right to speak as of right, this right seldom becomes an issue because the Court normally gives such indulgence whenever it is asked. However although addressing the Court without permission is not a contempt it is certainly not polite to do so without permission. In polite circles such as the legal profession this simple etiquette is expected.

Hak Mendapatkan Nota Keterangan

[16] Berkaitan dengan isu mendapatkan nota keterangan prosiding inkues, penelitian pada peruntukan undang-undang sedia ada termasuk Bab XXXI KTJ mendapati tiada mana-mana peruntukan yang menghendaki Majistret menyerahkan nota keterangan kepada keluarga si mati atau peguam pemerhati. Apa yang jelas s. 338(1) KTJ menghendaki koroner mengemukakan dengan segera nota keterangan dan dapatannya kepada Pendakwa Raya.

[17] Walaupun tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan Majistret memberi nota keterangan kepada keluarga si mati atau peguam pemerhati, demi ketelusan dan memuaskan hati keluarga si mati, Majistret boleh menggunakan budi bicaranya untuk memberikan dapatan majistret dan nota keterangan tersebut setelah siasatan kematian berkenaan selesai dijalankan. Jelasnya dapatan Majistret hanya boleh dibuat setelah siasatan prosiding inkues itu selesai.

[18] Ini selaras dengan Arahan Amalan Ketua Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2014 yang menggariskan bahawa selepas siasatan kematian dijalankan, Majistret boleh menggunakan budi bicaranya untuk memberikan nota keterangan kepada pihak yang berminat yang dinyatakan seperti berikut:

Post Inquest

A. The Magistrate then transmits to the Public Prosecutor the original of the evidence and finding duly authenticated by his signature or copy of such evidence and finding certified under his hand as correct.

B. The Magistrate, with the assistance of the police, should inform the family/next of kin of the verdict.

C. The Magistrate has a discretion to provide a copy of the verdict and notes of evidence to interested persons upon application by them.

[19] Berbalik kepada kes pemohon, nota keterangan dipohon oleh peguam pemerhati pada 28 September 2014 iaitu semasa prosiding inkues masih berjalan dan belum selesai lagi. Tarikh sambungan prosiding inkues telah ditetapkan pada 18 dan 19 November 2014.

[20] Majistret juga dalam kes ini telah menggunakan budi bicaranya membenarkan peguam pemerhati memohon untuk mendapatkan keterangan setelah prosiding inkues ini selesai seperti dinyatakan dalam nota keterangan.

[21] Oleh itu, berdasarkan fakta kes ini dan undang-undang sedia ada, mahkamah ini mendapati keputusan Majistret pada 26 September 2014 berhubung dengan penolakan permintaan ketika prosiding inkues sedang berjalan nota keterangan adalah betul, berlandaskan undang-undang dan wajar.

Hak Untuk Berhujah

[22] Seterusnya adalah mengenai hak peguam pemerhati untuk berhujah dalam prosiding inkues. Seperti yang telah dinyatakan bahawa inkues bukanlah suatu perbicaraan untuk menentukan kebersalahan atau tidak seseorang itu. lanya adalah suatu siasatan kematian dan setelah selesai prosiding inkues tersebut, nota keterangan dan dapatan Majistret akan dikemukakan kepada Pendakwa Raya.

[23] Pendakwa Raya pula jika mendapati siasatan lanjut perlu dilakukan, arahan boleh diberikan kepada Majistret yang bertindak sebagai koroner untuk membuka semula siasatan dan membuat siasatan lanjut berhubung kematian berkenaan kecuali dapatan bunuh atau menyebabkan kematian yang tidak tergolong kepada bunuh dibuat terhadap seseorang seperti yang diperuntukkan di bawah s. 339(2) KTJ:

(2) When the proceeding at any inquiry under this Chapter have been closed and it appears to the Public Prosecutor that further investigation is necessary, the Public Prosecutor may direct the Magistrate to reopen the inquiry and to make further investigation, and thereupon the Magistrate shall have full power to reopen the inquiry and make further investigation and thereafter to proceed in the same manner as if the proceedings at the inquiry had not been closed.

[24] Berdasarkan sifat inkues tersebut yang merupakan suatu siasatan kematian dan bukan merupakan perbicaraan bagi menentukan kebersalahan atau tidak seseorang itu di samping tiada peruntukan undang-undang yang memberi hak untuk peguam pemerhati berhujah dalam prosiding inkues maka keputusan Majistret menyatakan penghujahan tidak diperlukan adalah tidak melanggar undang-undang dan adalah wajar.

[25] Dalam kes *Public Prosecutor v. Seeralan Suppiah (supra)* juga diputuskan seperti berikut:

> [1] Counsel present at an inquest has no right to speak as of right, but can only do so with the permission of the court.

[26] Oleh itu, jelas peguam pemerhati tidak mempunyai hak untuk menyoal saksi-saksi ataupun berhujah kecuali dengan kebenaran mahkamah.

[27] Sekiranya peguam pemerhati diberi peluang untuk menyoal balas saksi-saksi seperti dalam kes ini ataupun untuk berhujah ianya hanya merupakan suatu kelebihan (privilege) yang diberikan oleh mahkamah untuk membantu mahkamah dan bukannya suatu hak yang diperuntukkan oleh undang-undang. Seperti yang dinyatakan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Public Prosecutor v. Seeralan (supra).*

> A defence counsel present at an inquest is not there to defend anyone, but only to look after the interest of those who engage him. Whilst he has no right to speak as of right this right seldom becomes an issue because court normally gives the indulgence whenever it is asked.

[28] Dalam lain perkataan, sebarang peluang yang diberikan kepada peguam untuk menyoalbalas saksi atau berhujah semata-mata untuk membantu Majistret atau koroner dalam memperolehi keterangan dan membuat dapatannya seperti yang dikehendaki di bawah s. 338(1) KTJ untuk dikemukakan kepada Pendakwa Raya.

[29] Peluang yang diberikan atas budi bicara Majistret atau koroner ini tidak boleh disamakan dengan hak di sisi undang-undang.

[30] Dalam perbicaraan jenayah juga di mana kebersalahan atau tidak seseorang itu ditentukan, penghujahan oleh pihak-pihak adalah merupakan satu budi bicara mahkamah untuk membenarkan atau tidak walaupun ianya merupakan amalan untuk hujahan dibenarkan.

Dalam kes Mahkamah Rayuan, *PP v. Wong Kok Wah* [2000] 1 CLJ 217 di ms 222; [2000] 1 MLJ 609 di ms. 613, Haidar HMR menyatakan:

> No doubt, it has been the practice in courts below to allow counsel to submit at the close of the case for the prosecution, such right however has been held to be at the discretion of the court. As was said by Bellamy J in *PP v. H Parnaby* [1953] MLJ 163 at p. 166:

A

> Although in practice a magistrate generally hears both sides on a submission of no case to meet at the close of the case for prosecution, he is in my view, not bound to do so.

[31] Memandangkan perbicaraan jenayah juga hujahan merupakan budi bicara mahkamah untuk diberikan kepada pihak-pihak berkaitan, ini pula
B inkues yang jelas bukan suatu perbicaraan tetapi hanya suatu siasatan kematian.

[32] Oleh yang demikian juga keputusan Majistret bertarikh 26 September 2014 yang menyatakan hujahan tidak diperlukan dalam inkues berkenaan adalah tidak melanggar undang-undang dan betul.

C

D

E

F

G

H

I